

Info PinTAR



ISO 9001 : 2008 No Sijil : KLR 050022

Kemuncak Hari



AKNC

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR 2009

Pada Majlis Kemuncak Bulan Kualiti UiTM 2009 yang diadakan di Dewan Sri Budiman pada 9 Disember 2009 yang lalu, Perpustakaan Tun Abdul Razak sekali lagi dianugerahkan sebagai Johan Peringkat Bahagian bagi Anugerah Kualiti Naib Canselor 2009. Di samping itu, PTAR juga telah memenangi beberapa kategori anugerah yang lain bagi AKNC 2009 iaitu Kepimpinan Terbaik, Pembangunan Sumber Manusia Terbaik, Pengurusan Proses Terbaik dan Hasil Pencapaian Terbaik. Anugerah yang berprestij dan menjadi rebutan di peringkat UiTM keseluruhan ini telah disempurnakan oleh Y. Bhg. Tan Sri Dato' Seri Prof. Dr. Ibrahim Abu Shah, Naib Canselor UiTM. Syabas dan tahniah kepada warga PTAR atas kejayaan yang amat membanggakan ini. Terusakan usaha, mantapkan budaya kualiti dan tingkatkan penambahbaikan berterusan, agar PTAR sentiasa kekal cemerlang dan gemilang pada masa-masa akan datang.



DARI MEJA KETUA PUSTAKAWAAN

Assalamualaikum
dan Selamat Sejahtera

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat ALLAH SWT kerana dengan izin dan limpah kurniannya dapat kita bertemu lagi dalam keluaran akhir Buletin Info PinTAR Bilangan 3 bagi tahun 2009.

Tahun 2009 telah mencatat pelbagai kejayaan buat PTAR apabila memperolehi pencapaian yang memberangsangkan dalam pelbagai anugerah di Peringkat UiTM, Peringkat Kebangsaan, mahu pun Peringkat Antarabangsa. Pencapaian cemerlang dalam penghasilan inovasi PTAR telah memberikan impak yang berkesan dimana penambahbaikan dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Ptar juga turut tersenarai sebanyak enam kali berturut - turut dalam Pencalonan Akhir Anugerah Kualiti Naib Canselor UiTM. Begitu juga dengan pencapaian sebagai JOHAN dalam Anugerah Kualiti Perdana Menteri 2008. Ini merupakan satu lagi pencapaian yang amat membanggakan PTAR agar terus memberikan perkhidmatan yang cemerlang dan berkualiti.

“ PTAR juga turut tersenarai sebanyak enam kali berturut - turut dalam Pencalonan Akhir Anugerah Kualiti Naib Canselor UiTM. Begitu juga dengan pencapaian sebagai JOHAN dalam Anugerah Kualiti Perdana Menteri 2008. Ini merupakan satu lagi pencapaian yang amat membanggakan PTAR agar terus memberikan perkhidmatan yang cemerlang dan berkualiti. ”



Peranan PTAR sebagai perkhidmatan yang berkesan dalam menghadapi cabaran lagi dizaman globalisasi ini yang amat mementingkan modal insan yang cemerlang dan masyarakat yang berlandaskan K-WORKER.

Peranan kami dalam memberi sokongan kepada Pelajar, Pensyarah, Perunding dan Penyelidik di sesebuah Universiti tidak boleh diperkecilkan. Selain dari memberi perkhidmatan akademik kepada masyarakat, PTAR juga banyak memberi perkhidmatan dalam bidang maklumat dan juga pementakan.

Akhir kata, SYABAS dan TAHNIAH di ucapkan buat semua warga PTAR di atas segala usaha serta kerjasama yang telah diberikan selama ini...

Sejajar dengan tagline PTAR @your service, perkhidmatan PTAR akan terus dipertingkatkan bagi memenuhi kehendak pelanggan.

MESRA PELANGGAN

(22 - 23 / 12 / 2009)

Bengkel Mesra Pelanggan PUiTM 2009 telah diadakan pada :

Tarikh : 22-23 Disember 2009
Tempat : Bilik Seminar, PTAR 1
Masa : 8.00 pg - 5.00 ptg

Anjuran : Jabatan Pengurusan Pelanggan dengan kerjasama Unit Latihan Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Organisasi, Perpustakaan Tun Abdul Razak

Objektif bengkel :

1. Membolehkan staf memberi layanan mesra kepada pelanggan perpustakaan
2. Memperolehi pengetahuan dan kemahiran ketika berinteraksi dengan pelanggan
3. Memudahkan proses komunikasi dengan pelanggan ketika pertanyaan diajukan
4. Menyokong Unit Latihan PTAR dalam mencapai objektif kualiti perpustakaan

Peserta bengkel : Pembantu Perpustakaan dari seluruh PUiTM seramai 80 orang dan dibahagikan kepada 7 kumpulan.

Penceramah : Ir. Haji Mohamad Mokhtar B. Mohd Ali

Di akhir bengkel, peserta memahami kepentingan tata cara berurusan yang betul dan berjaya menyediakan SOP untuk berurusan dengan pelanggan.



Bengkel (28 - 29 / 10 / 2009) Pegawai Perhubungan Perpustakaan

BENGGEL PEGAWAI PERHUBUNGAN PERPUSTAKAAN PTAR & PERPUSTAKAAN CAWANGAN 2009

Bengkel ini telah diadakan pada 28hb. sehingga 29hb. Oktober 2009 bertempat di Bilik Seminar PTAR 1. Seramai 16 Pustakawan Cawangan dan 37 Pustakawan PTAR telah menghadiri bengkel ini.

Bengkel selama dua hari ini diadakan adalah bertujuan memberikan pendedahan dan kemahiran-kemahiran yang diperlukan oleh Pegawai Perhubungan Perpustakaan di dalam menjalankan tugas sebagai Pegawai Perhubungan Perpustakaan dimana mereka perlu berurusan dan menjalinkan kerjasama bersama pihak fakulti dan pelajar. Penceramah-penceramah jemputan dari organisasi luar telah memberikan ceramah mengikut bidang kepakaran masing-masing.

Di samping itu, di dalam bengkel ini juga turut dilakukan pemantapan Modul Kemahiran Maklumat di mana sebanyak 6 Modul telah dibina iaitu:

1. Modul Taklimat Perpustakaan
2. Modul Asas Kemahiran Perpustakaan
3. Modul Kemahiran Penyelidikan Di Perpustakaan
4. Modul Kemahiran Mengakses Pangkalan Data Atas Talian
5. Modul Pengaksesan Koleksi Digital
6. Modul Kemahiran Pengaksesan Maklumat Melalui Internet

Bengkel ini telah mendapat sambutan dan maklumbalas yang memberangsangkan di mana ianya turut dihadiri oleh Ketua-ketua Jabatan PTAR. Penghasilan Modul Kemahiran Maklumat di dalam bengkel ini akan digunapakai oleh semua Perpustakaan Fakulti dan Perpustakaan Cawangan mengikut kesesuaian perkhidmatan dan kemudahan yang terdapat di perpustakaan masing-masing.



Bengkel GURU MELAKA (3 - 5 / 11 / 2009)

Bengkel Pengurusan Pusat Sumber Sekolah - Sekolah Menengah Peringkat Negeri Melaka dan Negeri Sembilan.

Perpustakaan Tun Abdul Razak, Perpustakaan UiTM Melaka, Kementerian Pelajaran Malaysia dengan kerjasama Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Melaka dan Negeri Sembilan yang berlangsung pada 3 hingga 5 November 2009 di Everly Resort Hotel, Melaka.

Penganjuran bengkel kali ke 12 ini telah berjaya menarik seramai 150 orang peserta yang terdiri daripada Guru Perpustakaan dan Media dari seluruh daerah Negeri Melaka dan Negeri Sembilan. Bengkel yang telah disempurnakan perasmianya oleh Yang Berbahagia Datuk Prof. Madya Dr. Mizan Hitam, Pengarah Kampus Universiti Teknologi MARA Melaka ini telah menyaksikan sebanyak 7 kertas kerja yang berjaya dibentangkan oleh para penceramah jemputan dari Perpustakaan Tun Abdul Razak, Fakulti Pengurusan Maklumat Kampus Puncak Perdana, Bahagian Teknologi Pendidikan Kuala Lumpur dan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan.

Perancangan dan aktiviti bengkel dapat dijalankan dengan baik dan kemuncak aktiviti perasmian penutup telah disempurnakan oleh Cik Hajah Juliah Binti Haji Leman, Timbalan Pengarah Pelajaran Negeri Melaka dan diakhiri dengan pesembahan multimedia.

Kesungguhan dan kerjasama ahli jawatan kuasa yang terlibat dan bertungkus-lumus berjaya menjayakan Bengkel Guru yang bertemakan "Perkongsian Ilmu Menjana Kecemerlangan Pusat Sumber" dan diharapkan bengkel seterusnya yang akan berlangsung di Perak dapat meneruskan kecemerlangan dalam penganjuran Bengkel Guru ini.



Konvensyen Amalan Terbaik (16 - 17 / 11 / 2009)



Perkongsian ILMU MEMORI KORPORAT

Pengurusan Pengetahuan Perpustakaan Tun Abdul Razak Menerusi Memori Korporat

Pengurusan Pengetahuan di Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) telah mula diperkenalkan sejak tahun 2004 iaitu sempena Bengkel Knowledge Management yang diadakan di COLMAR Tropical, Bukit Tinggi Resort, Pahang yang dihadiri oleh Pustakawan Perpustakaan UiTM. Hasil pendedahan menerusi bengkel tersebut, bermulalah satu lembaran penerokaan ilmu berkaitan proses-proses yang terlibat di dalam pengurusan pengetahuan yang boleh diaplikasikan ke dalam organisasi seperti PTAR untuk menjadi sebuah institusi yang menyokong pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan di UiTM. Pelaksanaan pengurusan pengetahuan di PTAR diperkemas lagi dengan penubuhan Unit Pengurusan Ilmu (kini dikenali sebagai Bahagian Pengurusan Pengetahuan) PTAR pada tahun 2005 yang mana salah satu objektif penubuhannya adalah untuk mengurus dan menjalankan aktiviti perolehan bahan atau dokumen rasmi jabatan, untuk dimasukkan di dalam sistem pengurusan dokumen elektronik yang dikenali sebagai Memori Korporat (Corporate Memory) supaya boleh diakses dan dikongsi bersama oleh staf PTAR dan Perpustakaan UiTM Negeri (PUIiTM).

Apa Itu Memori Korporat

Memori Korporat merupakan pusat penyimpanan dan pengaksesan sumber maklumat dan ilmu pengetahuan PTAR dan PUIiTM Negeri yang terdiri daripada bentuk tacit dan eksplisit (tacit and explicit knowledge) yang diperolehi daripada staf PTAR dan PUIiTM. Memori Korporat dilaksanakan di atas platform sistem pengurusan dokumen elektronik yang dibangunkan bersama-sama pihak pembekal sistem berdasarkan keperluan-keperluan pihak PTAR. Bagi memastikan ilmu pengetahuan yang terdapat di PTAR dan PUIiTM sentiasa terpelihara, penggunaan Memori Korporat ini dapat membantu dan menyokong keberkesanan pelaksanaan aktiviti pembudayaan dan perkongsian ilmu khususnya di kalangan staf Perpustakaan.

Pada peringkat awal, pelaksanaan Memori Korporat PTAR dijalankan menerusi satu inisiatif yang dikenali sebagai i-Know 2 yang dirancang dan dibangunkan seiring dengan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-9 bagi Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Malaysia Shah Alam. Fokus pelaksanaan i-Know 2 melibatkan kerjasama daripada Bahagian-bahagian di PTAR dan Perpustakaan Fakulti untuk mengumpul semua dokumen-dokumen rasmi jabatan masing-masing untuk disemak dan diproses oleh Unit Pengurusan Ilmu dan Unit Pengidangan Bahagian Sistem dan Teknologi Maklumat PTAR, sebelum bahan-bahan tersebut dimasukkan ke dalam sistem pengurusan dokumen elektronik Memori Korporat. Kerjasama erat yang wujud tersebut menjadi satu petunjuk kukuh kepada keinginan semua pihak untuk turut bersama-sama bekerjasama dan berkongsi maklumat dan ilmu pengetahuan yang terdapat di jabatan masing-masing dengan semua staf PTAR dan PUIiTM.

Sesi Perkongsian Ilmu

Dalam usaha untuk meningkatkan budaya perkongsian maklumat menggunakan Memori Korporat di kalangan staf perpustakaan, Bahagian Pengurusan Pengetahuan dengan kerjasama Bahagian Pentadbiran PTAR telah mengadakan Sesi Perkongsian Ilmu (SPI) pada tahun 2007 sehingga kini sebagai platform kepada staf-staf PTAR yang menghadiri kursus untuk berkongsi maklumat dan ilmu pengetahuan dengan staf PTAR yang lain tentang kursus yang telah dihadiri. Selain itu, bahan-bahan maklumat yang digunakan untuk sesi SPI tersebut akan diproses dan ditempatkan di dalam Memori Korporat supaya ia dapat diakses semula oleh staf-staf Perpustakaan UiTM yang lain. Maklumat kehadiran staf ke program SPI juga dimasukkan sebagai jam latihan seperti yang ditetapkan oleh pihak UiTM. Sepanjang tahun 2009, sebanyak 4 kali SPI diadakan yang melibatkan 12 sesi pembentangan oleh staf yang berkenaan. Kerjasama semua pihak amat penting dalam menjayakan Sesi Perkongsian Ilmu ini.



Simulasi Haji Bersama Lembaga Tabung Haji Malaysia

(6 / 11 / 2009)



Aktiviti BERGAMBAR

Lawatan Sek. Men. Teknik Miri, Sarawak (21 / 12 / 2009)



Lawatan Sek. Ren. Seberang Jaya , Pulau Pinang (25 / 11 / 2009)



Lawatan Ke Jabatan Penerangan Malaysia (21 / 12 / 2009)

